

APDC tamatkan operasi mulai hari ini

UM - 1 JAN 2004

KUALA LUMPUR 31 Dis. — Pusat Pembangunan Asia Pasifik (APDC) yang telah beroperasi selama 22 tahun menutup operasinya mulai esok disebabkan kekurangan dana.

Ekoran daripada itu seramai 39 orang kakitangannya menghadapi masa depan gelap menjelang tahun bar-u akibat kehilangan pekerjaan.

Pengurus Bahagian Antarabangsa APDC, Abdul Rahim Talib berkata, sebahagian besar kakitangan yang telah berkhidmat lebih 20 tahun merasa sedih dengan penutupan pusat berkenaan.

“Di samping kehilangan kerja, kami juga tidak diberikan pampasan yang setimpal dengan khidmat yang telah kami sumbangkan selama ini,” katanya pada sidang akhbar mengenai penutupan pusat tersebut di sini hari ini.

Beliau berkata, hanya 19 orang saja kakitangan diberikan pampasan manakala selebihnya tidak dibayar dengan alasan mereka bukannya pekerja tetap walaupun berkhidmat lebih 20 tahun.

Nasi hat

“Malah kami juga hanya diberikan notis pemberhentian yang singkat dengan tarikh akhir bertugas pada hari ini.

“Kami tidak ada pilihan melainkan menerima saja keputusan penutupan APDC yang dibuat oleh kerajaan,” katanya.

APDC telah dirasmikan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 17 Ogos 1981 sebagai satu kumpulan pemikir bagi membantu ahli-ahlinya membangunkan negara masing-masing.

Ahli-ahli APDC terdiri daripada 22 negara iaitu Bangladesh, Brunei, Republik Rakyat China, Kepulauan Cook, Fiji, Hong Kong, India, Indonesia, Iran, Jepun, Republik Korea, Laos, Macau, Malaysia, Maldives, Nepal, Pakistan, Papua New Gmnea, Filipina, Sri Lanka, Thailand dan Vietnam.

Kerajaan Malaysia melalui Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri telah menjadi tuan rumah kepada pusat ini selama 22 tahun.

Bagaimanapun pada 11 September lalu, kerajaan memutuskan untuk menamatkan operasinya hari ini.

Abdul Rahim berkata, pihaknya akan meminta nasihat perundangan mengenai perkara berkenaan.

Salah seorang kakitangan APDC, La'auyah Yusof, 44, berkata, dia hanya mendapat pampasan sebanyak RM2,688.83 saja walaupun telah berkhidmat selama 20 tahun.